



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - RABU, 9 JULAI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



9/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KPWKM BAGS ASEAN PR AWARD FOR SOCIAL IMPACT EXCELLENCE		POSITIF
	https://thesun.my/malaysia-news/kpwkm-bags-asean-pr-award-for-social-impact-excellence-PC14432490	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	KERAJAAN HANTAR KAUNSELOR BANTU SATU-SATUNYA ANAK ARWAH MOHAMAD AZIM, NURUL HIDAYAH - NANCY		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/07/1417385/kerajaan-hantar-kaunselor-bantu-satu-satunya-anak-arwah-mohamad-azim	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	KES PENDERAAN BAYI ISYARAT MASYARAKAT, PIHAK BERKUASA PERLU BEKERJASAMA		NEGATIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/737544/berita/analisis/kes-penderaan-bayi-isyarat-masyarakat-pihak-berkuasa-perlu-bekerjasama#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://borneobulletin.com.bn/sharp-rise-in-child-sexual-abuse-cases-raises-alarm-in-malaysia/	BORNEOBULLETIN.COM.BN	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	AWASI AKAUN MEDIA SOSIAL ANAK ANDA		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/737661/video/pengintipan-digital-dan-risiko-pedofilia-lindungi-anak-anda	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



9/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	KERAJAAN PERLIS PRIHATIN NASIB MANGSA KEBAKARAN		POSITIF
	https://harakahdaily.net/2025/07/kerajaan-perlis-prihatin-nasib-mangsa-kebakaran/	HARAKAHDAILY.NET	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	SAMI DISYAKI CABUL SEORANG WANITA DIBURU		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/jenayah/sami-disyaki-cabul-seorang-wanita-diburu/	BULETINTV3.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/07/08/sami-cabul-wanita-di-kuil-bandar-baru-salak-tinggi-diburu-polis/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/07/1241761/woman-claims-she-was-groped-priest-sepang-temple	NST.COM.MY	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/07/08/police-hunt-sepang-temple-priest-accused-of-molesting-woman-during-holy-water-ritual/183249	MALAYMAIL.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1417351/renjis-air-sembahyang-jadi-helah-sami-cabul-wanita	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/737664/berita/lelaki-warga-india-diburu-cabul-wanita-di-kuil#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/08/sami-cabul-lepas-renjis-air-sembahyang/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sami-warga-india-diburu-dipercayai-cabul-pelakon-tempatan-528496	ASTROAWANI.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/07/08/polis-buru-sami-didakwa-cabul-gadis	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://malaysiatribune.news/jenayah-mahkamah/polis-kesan-warganegara-india-cabul-kehormatan-pengunjung-kuil/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/07/08/cops-hunt-temple-priest-accused-of-molest	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/07/08/manhunt-for-a-monk-suspected-molester-sought-by-sepang-cops	THESTAR.COM.MY	
	https://www.scoop.my/news/263614/cops-hunting-temple-priest-accused-of-molesting-model-during-blessing-ritual/	SCOOP.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



9/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.sinardaily.my/article/728660/focus/national/woman-claims-priest-molested-her-during-blessing	SINARDAILY.MY	
	https://thesun.my/viral/going-viral/actress-alleges-molestation-by-temple-priest-DC14433145	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	LELAKI DIDAKWA ROGOL ANAK TIRI 15 TAHUN		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1417228/lelaki-didakwa-rogol-anak-tiri-15-tahun	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/bapa-tiri-tidak-mengaku-rogol-anak/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/buruh-mengaku-tidak-bersalah-rogol-anak-tiri/	BULETINTV3.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=dx_dcezXo6E	YOUTUBE	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1238493/tak-mengaku-ratah-anak-tiri-2-kali	HMETRO.COM.MY	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/07/08/terengganu-labourer-pleads-not-guilty-to-raping-teen-stepdaughter/183235	MALAYMAIL.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	LELAKI DIDENDA RM100 CABUL WANITA DI PASAR PAGI		NEGATIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/737654/berita/semasa/lelaki-didenda-rm100-cabul-wanita-di-pasar-pagi	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/07/08/lelaki-cabul-wanita-di-pasar-pagi-pandamaran-dijatuhi-hukuman-denda-rm100/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KPWKM bags ASEAN PR Award for social impact excellence

Qirana Nabilla Mohd Rashidi

2025-07-08 05:22 PM



Deputy Secretary-General (Operations) Farah Adura Hamidi (second from left) accepting the award on behalf of the ministry.

PETALING JAYA: The Women, Family and Community Development Ministry (KPWK) has been honoured with the 2025 Asean PR Excellence Award in the Social Impact category at the Kuala Lumpur International PR Conference 7 (KLIP7).

Deputy Secretary-General (Operations) Farah Adura Hamidi accepted the award on behalf of the ministry.

In a statement, KPWK said the award reflects its ongoing commitment to advancing the rights and wellbeing of women, families and communities in line with the Madani vision.

"Among the notable initiatives highlighted were the K.A.S.I.H KPWK Peduli Rakyat programme which covers aid distribution, temporary relief centre (PPS) operations and post-disaster support provided by the Social Welfare Department (JKM)," it said.

The ministry also cited its psychosocial support services offered through the One-Stop Social Support Centres (PSSS), managed by the National Welfare Foundation (YKN) and the Malaysian Board of Counsellors, along with the 24-hour Talian Kasih 15999 hotline, which provides immediate assistance to individuals in crisis.

Its outreach efforts in remote communities, including the Kembara KASIH KPWK and Ziarah KASIH KPWK programmes, aimed at assisting disaster victims, were also recognised.

KPWKM said it remains committed to empowering women, protecting children, supporting persons with disabilities and senior citizens, and strengthening the family unit.

Internationally, the ministry continues to represent Malaysia at global conventions on women, children, the elderly, and people with disabilities.

"The award is expected to further strengthen the ministry's communication strategies and enhance its role as a key driver of social development at the regional level," it added.

The recognition marks a significant milestone for KPWK, acknowledging its efforts in leading the country's social development agenda through impactful initiatives and effective public outreach conducted by its departments and agencies.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerajaan hantar kaunselor bantu satu-satunya anak arwah Mohamad Azim, Nurul Hidayah - Nancy



Oleh Ilah Hafiz Aziz - Julai 8, 2025 @ 6:35pm



Tangkap layar video lama Allahyarham Mohamad Azim Izat Ishak dan Nurul Hidayah Khalijah Razman Effendi yang tular di laman sosial. - Foto tangkap layar video TikTok

KUALA LUMPUR: Anak perempuan mangsa kejadian kereta terbabas ke dalam Sungai Korok, Jitra, akan dirujuk kepada khidmat kaunseling dan sokongan psikologi susulan insiden yang berlaku.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata Pegawai Kaunselor Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Kubang Pasu sudah diminta untuk membantu satu-satunya anak mangsa, Puteri Qisya Nur Izzat Mohamad Azim.

Beliau berkata, selain bantuan psikologi, bantuan Tabung Bantuan Segera (TBS) sebanyak RM300 akan disalurkan kepada keluarga mangsa bagi meringankan beban mereka dalam tempoh kecemasan ini.

"Ahli keluarga mangsa akan dirujuk kepada Pegawai Kaunselor PKMD Kubang Pasu bagi mendapatkan khidmat kaunseling dan sokongan psikologi susulan insiden yang berlaku.

"Selain itu, perbincangan lanjut akan diadakan bersama waris berkaitan urusan hak penjagaan kanak-kanak yang terselamat bagi memastikan kebajikan dan keselamatan kanak-kanak terus terpelihara," katanya dalam kenyataan hari ini.

Media sebelum ini melaporkan, seorang wanita membuat laporan polis selepas abang dan kakak ipar serta empat anak mereka gagal dihubungi selepas mereka keluar dari rumah kira-kira jam 5.30 pagi Sabtu lalu.

Bagaimanapun, jasad semua mereka ditemui semalam dalam kereta Proton Iswara yang mereka naiki dipercayai terbabas dan tenggelam dalam Sungai Korok.

Mengulas lanjut, Nancy berkata, antara tindakan yang sudah diambil pihaknya adalah kaunselor jabatan menghubungi keluarga mangsa bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai situasi terkini ahli keluarga yang terabit dalam kemalangan.

"Pelindung bersama wakil dari Unit Kebajikan Produktif PKMD Kubang Pasu telah mengadakan lawatan ke rumah keluarga mangsa di Jerlun bagi mendapatkan maklumat awal berkaitan isu penjagaan kanak-kanak serta mengenal pasti bentuk bantuan yang sesuai untuk disalurkan," katanya.

Tambahnya, berdasarkan maklumat yang diperolehi, kanak-kanak akan dijaga oleh ahli keluarga di Jitra buat sementara waktu.

"Pihak PKMD Kubang Pasu turut berkesempatan menemui adik kepada arwah bapa kandung kanak-kanak yang terselamat, bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan penjagaan kanak-kanak ini," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kes penderaan bayi isyarat masyarakat, pihak berkuasa perlu bekerjasama



MUKHRIZ MAT HUSIN [Follow](#)

08 Julai 2025 09:50am



Perlindungan kanak-kanak bukan hanya tugas kerajaan, tetapi tanggungjawab bersama.

ISU penderaan terutama melibatkan kanak-kanak dilihat masih berlaku dan menjadi ancaman serius kepada keselamatan golongan tersebut di negara ini.

Baru-baru ini, Sinar Harian melaporkan seorang bayi perempuan berusia 15 bulan disyaki maut didera ibu dan teman lelakinya di sebuah kedai di Bandar Satelit, Pulau Sebang, Melaka pada malam Ahad.

Sumber berkata, pemeriksaan doktor ke atas bayi itu menemui beberapa kesan lebam pada perut dan belakang badan mangsa selain kecederaan pada lubang dubur sebelum membuat laporan polis.

Susulan itu, ibu dan kekasihnya direman selama tujuh hari oleh Mahkamah Majistret Alor Gajah, Melaka pada Isnin selepas disyaki membunuh bayi perempuan berusia 15 bulan dengan cara mendera mangsa.

Perintah reman terhadap suspek wanita, seorang penganggur berusia 24 tahun dan teman lelakinya yang bekerja di sebuah kedai peralatan memancing berusia 20 tahun dikeluarkan oleh Majistret Dr Teoh Shu Yee sehingga Ahad ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Kejadian itu mencetuskan persoalan mengenai tahap kesedaran masyarakat terhadap penderaan kanak-kanak dan peranan jiran atau individu sekeliling untuk melaporkan sebarang tanda penderaan lebih awal.

Dari sudut dasar, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif seperti Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara dan Akta Kanak-Kanak 2001, namun keberkesanan pelaksanaan di peringkat komuniti masih boleh dipersoalkan.

Cabaran besar yang dihadapi kerajaan ialah pengesanan awal terhadap kes penderaan, terutama melibatkan keluarga sendiri di mana mangsa terperangkap dalam lingkungan yang sepatutnya memberi mereka perlindungan.

Selain itu, faktor kemiskinan, pengangguran, tekanan hidup dan kekurangan sokongan sosial turut menyumbang kepada tingkah laku ganas terhadap kanak-kanak, khususnya dalam keluarga berisiko tinggi seperti ibu tunggal.

Kes seperti ini turut memberi tekanan kepada agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan hospital yang sepatutnya perlu memainkan peranan lebih aktif dalam pengesanan, perlindungan serta pemulihan kes penderaan.

Kerajaan juga perlu memperluas peranan pasukan petugas komuniti, sukarelawan dan pertubuhan bukan kerajaan dalam usaha mengenal pasti keluarga yang memerlukan intervensi awal untuk mencegah tragedi berulang.

Sistem pendidikan dan kesedaran awam juga harus diperkasa melalui kempen berterusan bagi mendidik masyarakat tentang penderaan kanak-kanak, termasuk saluran pelaporan yang boleh diakses dengan mudah dan selamat.

Kesimpulannya, kes berkenaan perlu menjadi isyarat kepada seluruh masyarakat dan pihak berkuasa bahawa perlindungan kanak-kanak bukan hanya tugas kerajaan, tetapi tanggungjawab bersama dalam memastikan mereka membesar dalam persekitaran selamat serta harmoni.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerajaan Perlis prihatin nasib mangsa kebakaran

July 8, 2025



KANGAR: Pengerusi Kebajikan, Kesihatan dan Keusahawanan Negeri, Datin Marzita Mansor hadir menziarahi mangsa kebakaran di Kampung Tok Kandang, kelmarin.

Program Ziarah dan Penyerahan Bantuan Pemulihan Bencana itu turut disertai wakil Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Shariman Hashim dan Jaliza Mahamud.

Kehadiran mereka adalah bagi menyerahkan sumbangan kepada mangsa, Rasilah Isa sekeluarga yang kehilangan tempat tinggal akibat rumah mereka rosak dalam kebakaran baru-baru ini.

Sebagai tanda keprihatinan, Menteri Besar, Mohd Shukri Ramli turut menghulurkan bantuan berupa barangan keperluan dapur melalui Setiausaha Politik Menteri Besar, Mustaqim Abdullah.

Bantuan disampaikan itu adalah komitmen Kerajaan Negeri Perlis membantu rakyat yang ditimpa musibah yang bertujuan meringankan beban dari aspek fizikal, emosi dan kewangan ditanggung mangsa sekeluarga.

Dalam pada itu, Datin Marzita memaklumkan bahawa pihak JKMP Perlis telah berhubung dengan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) bagi tindakan susulan yang sewajarnya.

"Sama-samalah kita berganding bahu membantu mereka yang diuji dengan musibah. Semoga segala urusan mereka dipermudahkan dan kehidupan kembali pulih seperti sediakala," ujarnya penuh harapan.

Turut hadir dalam lawatan tersebut ialah Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Komuniti, Kampung dan Penduduk (JPKKP) Kampung Tok Kandang, Abdul Rahman Bahari. –

HARAKHADAILY 8/7/2025

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sami disyaki cabul seorang wanita diburu

🕒 08 Julai 2025, 6:39pm



KUALA LUMPUR: Polis sedang memburu seorang sami selepas disyaki mencabul seorang wanita di sebuah kuil di Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang, dekat sini.

Ketua Polis Daerah Sepang, Asisten Komisioner Norhizam Bahaman berkata, mangsa yang juga seorang wanita tempatan berusia 27 tahun tampil membuat aduan pada 4 Julai lalu, kira-kira jam 8.15 malam.

Katanya, siasatan awal mendapati suspek yang juga seorang lelaki warga India bertugas di kuil itu sebagai sami sementara, menggantikan sami utama kuil berkenaan yang kini berada di luar negara.

"Siasatan mendapati, suspek melakukan perbuatan tidak senonoh itu dengan cara merenjis air sembahyang ke muka dan badan mangsa sebelum mencabul mangsa.

"Usaha mengesan suspek sedang giat dijalankan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Jelasnya, kes disiasat mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan dan jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara sehingga 10 tahun atau denda atau sebat, atau mana-mana dua daripada hukuman itu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki didakwa rogol anak tiri 15 tahun

Oleh Zaid Salim - Julai 8, 2025 @ 1:54pm



Seorang bapa dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, hari ini atas dua pertuduhan merogol anak tiri berusia 15 tahun di sebuah rumah di daerah Marang, tahun ini. - Foto NSTP/GHAZALI KORI

KUALA TERENGGANU: Seorang lelaki dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas dua pertuduhan merogol anak tiri berusia 15 tahun di sebuah rumah di Marang, tahun ini.

Bagaimana tertuduh berusia 39 tahun membuat pengakuan tidak bersalah serta memohon dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Wan Nor Aklima Wan Salleh.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa merogol anak tirinya berusia 15 tahun lapan bulan tanpa kerelaan mangsa, yang mana hubungan tertuduh dengan mangsa adalah tidak dibenarkan bawah undang-undang, hukum agama, adat atau kebiasaan untuk berkahwin dengan mangsa.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah rumah di Marang kira-kira jam 3.30 petang, 16 Jun lalu.

Pertuduhan kedua, tertuduh didakwa merogol mangsa di alamat rumah yang sama pada waktu kira-kira jam 5.30 petang pada 18 Jun lalu.

Kedua-dua pertuduhan itu didakwa mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan.

Sabit kesalahan boleh dihukum penjara selama tempoh yang tidak kurang dari lapan tahun dan tidak lebih dari tiga puluh tahun dan juga boleh dikenakan sebat tidak kurang dari sepuluh sebatan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Aisyah Mohamad.

Terdahulu, Nur Aisyah memohon supaya ditawarkan ikat jamin sebanyak RM20,000 bagi setiap pertuduhan dengan seorang penjamin.

Tertuduh membuat rayuan memohon ikat jamin dikurangkan dengan alasan banyak tanggungan.

Mahkamah kemudian menetapkan ikat jamin RM18,000 bagi setiap pertuduhan dengan seorang penjamin.

Mahkamah turut mengarahkan tertuduh melapor diri di balai polis berhampiran setiap bulan serta tidak mendekati atau mengganggu mangsa dan saksi sehingga kes selesai.

Mahkamah menetapkan 10 Ogos sebagai tarikh sebutan semula kes.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki didenda RM100 cabul wanita di pasar pagi



MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI [Follow](#)

08 Julai 2025 04:14pm



Tindakan seorang lelaki mencabul wanita di pasar pagi Pandamaran mengundang padah apabila diberkas pada Sabtu. Gambar hiasan

KLANG – Tindakan seorang lelaki mencabul wanita di pasar pagi Pandamaran di sini mengundang padah apabila diberkas pada Sabtu.

Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisioner Ramli Kasa berkata, dalam kejadian kira-kira jam 11 pagi itu, mangsa yang juga wanita tempatan memaklumkan dirinya telah dicabul oleh seorang lelaki tidak dikenali ketika berada di kawasan pasar berkenaan.

"Mangsa mendakwa bahagian punggungnya telah disentuh sebanyak dua kali sebelum dia segera mendapatkan bantuan daripada anggota polis yang sedang membuat rondaan pencegahan jenayah di lokasi kejadian.

"Bertindak atas maklumat itu, anggota polis bertugas berjaya menahan suspek tidak lama kemudian," katanya dalam pada Selasa.

Katanya, suspek yang merupakan lelaki tempatan berusia 36 tahun telah dibawa ke Balai Polis Pandamaran bagi membantu siasatan.

Tambahnya, siasatan terhadap kes itu telah lengkap dan suspek telah dituduh di Mahkamah Majistret Klang mengikut Seksyen 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955.

"Mahkamah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM100 terhadap suspek," katanya.

Menurutnya, orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa berwaspada dan menjaga keselamatan diri semasa berada di tempat awam.

"Sekiranya orang ramai mempunyai sebarang maklumat berkaitan jenayah, dadah dan sebagainya, sila salurkan kepada mana-mana balai polis berhampiran," katanya.